



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

ISNIN, 15 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

15/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>SECURITY MEASURES ENHANCED ON PADU AMID DATA BREACH CONCERNS, SAYS MINISTER</b>	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/14/security-measures-enhanced-on-padu-amid-data-breach-concerns-says-minister/128818">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/14/security-measures-enhanced-on-padu-amid-data-breach-concerns-says-minister/128818</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/14/padu-diperketat-susulan-dakwaan-datanya-digodam">https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/14/padu-diperketat-susulan-dakwaan-datanya-digodam</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=QMU11jMXWnQ">https://www.youtube.com/watch?v=QMU11jMXWnQ</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/padu-diperketat-susulan-dakwaan-datanya-digodam-x8wseuq">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/padu-diperketat-susulan-dakwaan-datanya-digodam-x8wseuq</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>'KEBIASAANNYA SAYA BANTU MANGSA... KINI SAYA PULA DIUJI'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1079978/kebiasaannya-saya-bantu-mangsa-kini-saya-pula-diuji">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1079978/kebiasaannya-saya-bantu-mangsa-kini-saya-pula-diuji</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/14/biasanya-saya-tolong-orang-kini-saya-mangsa-kebakaran/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/14/biasanya-saya-tolong-orang-kini-saya-mangsa-kebakaran/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/659489/edisi/johor/kakak-nekad-redah-asap-api-selamatkan-adik-bongsu">https://www.sinarharian.com.my/article/659489/edisi/johor/kakak-nekad-redah-asap-api-selamatkan-adik-bongsu</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>BUTIK TAPAI KETENGAH PRODUK BATIK SENTUHAN OKU</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2287923">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2287923</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/659475/galeri/koleksi-produk-batik-eksklusif">https://www.sinarharian.com.my/article/659475/galeri/koleksi-produk-batik-eksklusif</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2287915">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2287915</a>	BERNAMA.COM



TAJUK : STATISTICS ON DOMESTIC VIOLENCE MAY NOT BE ACCURATE

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 15 APR 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK M

# Statistics on domestic violence may not be accurate

BY NUQMAN ADAM  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALING JAYA:** While the decrease in the number of domestic violence cases might seem like a positive development, by all accounts, this reduction is only because many cases go unreported.

This was confirmed on Feb 17 by Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, who said reported cases of domestic violence might not fully reflect such incidents due to underreporting.

She had earlier announced that there was officially a decline in reported domestic violence cases to 5,507 in 2023 compared with 6,540 in 2022.

All Women's Action Society said it is an accepted fact that domestic violence continues to be a major crime in Malaysia.

However, its spokesperson said it is difficult to quantify the numbers that go unreported.

She said relationship conflicts, and financial and other stress can cause tension within intimate relationships and increase the risk

## Published decline in cases not reflective of true number as many cases go unreported

of violence.

She said in unhealthy or abusive relationships, conflicts often escalate into violence as one or both partners lack effective communication skills.

"Because of this, they build up anger and frustration, which they are unable to manage, or have unresolved issues from past experiences which spiral into domestic violence.

"Other factors such as economic instability, unemployment, debt or financial dependence on one partner can also contribute to frustration and lead to increased tension and conflict."

She said apart from that, depression, anxiety, personality disorders, and alcohol and drug addiction can be contributing factors.

The spokesperson stressed that the effects of domestic violence can be profound and far-reaching, and impact various aspects of an individual's physical, emotional and

psychological well-being.

"The most obvious signs can be seen in a range of physical injuries, including bruises, cuts, broken bones and internal injuries, where victims may also experience chronic pain and health issues."

In severe cases, domestic violence can lead to permanent disability or even death.

"Given the complexity and variability of individual circumstances, it is challenging to say how many domestic violence cases go unreported."

Meanwhile, syariah lawyer and lecturer Dr Nabiqul Hakim Azuar said a lot of domestic violence cases tend to go unreported due to fear of repercussions.

"Victims fear retaliation or escalation of violence if they report the abuse, especially if the perpetrator is a spouse or intimate partner.

"Social stigma is also

another reason as many victims feel ashamed or embarrassed to admit they are being abused, particularly if they fear judgement from their community or loved ones."

Nabiqul Hakim said victims often fear being ostracised or blamed for provoking violence, and this prevents them from reaching out for support.


He said in some cultures or communities, there may be strong taboos against discussing family matters outside the home or seeking help from the authorities as it might cause shame to their family.

On April 12, a 61-year-old woman in Kulim, Kedah, died in a suspected case of domestic violence.

An autopsy revealed that the deceased had suffered injuries to her head and also had old as well as new bruises throughout her body, allegedly as a result of domestic violence.

Police said the deceased's 57-year-old husband has been arrested and placed under remand until today to assist in the investigation.

Nabiqul Hakim advised victims of abuse not to wait but immediately seek help from family members or the relevant NGOs.



TAJUK : PADU: SECURITY MEASURES ENHANCED AMID DATA BREACH CONCERNS - NANCY

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 15 APR 2024

M/SURAT : 03

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Nancy (left) and Rohani pose during the Aidilfitri open house. — Photo by RoysteinEmmor

## Padu: Security measures enhanced amid data breach concerns — Nancy

**KUCHING:** Security measures on the Central Database Hub (Padu) have been tightened in response to allegations of data breach, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister clarified that while the alleged breached data does not pertain to Padu, her ministry remains committed to taking steps to safeguard the information of its users.

"Our priority is to safeguard the welfare recipients as we aim to prevent any manipulation of their information. So far, we have only tightened security on Padu; there have been no upgrades yet as we are still awaiting funding," she said.


Nancy was met by reporters

at the Aidilfitri open house of Datuk Seri Rohani Abdul Karim, who is an advisor to the Sarawak Premier, at her residence in Petra Jaya here yesterday.

"I urge individuals who remain skeptical of Padu to approach the situation with caution and rationality. This is because the system is essential for government aid recipients," Nancy added.

She said she placed her trust in the Economy Ministry to determine the best course of action for their product.

"For those in urgent need of assistance, this system is indispensable. If compromised and aid distribution is affected, all government ministries must reassess their mechanisms," she said.



TAJUK : PADU DIPERKETAT SUSULAN DAKWAAN DATANYA DIGODAM

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 APR 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# PADU diperketat susulan dakwaan datanya digodam

Langkah berhati-hati diambil bagi memastikan maklumat klien tidak diganggu-gugat, kata Nancy

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) telah diperketatkan susulan dakwaan datanya digodam, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri.

Menurut Nancy, meskipun dakwaan data yang digodam itu bukan data yang terdapat dalam PADU, kementerian-nya tetap mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan maklumat kliennya tidak diganggu gugat.

“Yang kita perlu jaga adalah penerima kebajikan kerana kita tidak mahu maklumat mereka dimanipulasikan.

“Setakat ini kita perketatkan sahaja (PADU), naik taraf belum ada lagi sebab kita masih menunggu peruntukan,” katanya.

Beliau berkata demikian



**KENANGAN:** Nancy (kiri) merakam gambar bersama Rohani.

— Gambar Roystein Emmor

kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Penasihat di Pejabat Premier Sarawak Datuk Seri Rohani Abdul Karim di sini semalam.

Sehubungan itu Nancy menasihati mereka yang masih mencurigai PADU agar

menggunakan akal dengan berhati-hati.

Ini kerana katanya, sistem ini adalah diperlukan bagi golongan penerima bantuan daripada kerajaan.

Beliau turut menyerahkan kepada Kementerian Ekonomi untuk melakukan apa

“ Yang kita perlu jaga adalah penerima kebajikan kerana kita tidak mahu maklumat mereka dimanipulasikan. ”


Dato Sri Nancy Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

yang terbaik bagi produk mereka ini.

“Bagi mereka yang memerlukan bantuan secara cepat, mereka perlukan sistem ini.

“Kalau itu juga diganggu gugat sehingga memberi kesan kepada penerimaan bantuan, seluruh kementerian kerajaan perlu lihat semula mekanismenya,” katanya.



## Security measures enhanced on Padu amid data breach concerns, says minister



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri (left) and Sarawak Premier advisor Datuk Seri Rohani Abdul Karim pose for the camera during the Aidilfitri open house. — Roystein Emmor/The Borneo Post pic

*Sunday, 14 Apr 2024 9:49 PM MYT*

KUCHING, April 14 — Security measures on the Central Database Hub (Padu) have been tightened in response to allegations of data breach, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister clarified that while the alleged breached data does not pertain to Padu, her ministry remains committed to taking cautious steps to safeguard the information of its users.

“Our priority is to safeguard the welfare recipients as we aim to prevent any manipulation of their information. So far, we have only tightened security on Padu; there have been no upgrades yet as we are still awaiting funding,” she said.

Nancy made these remarks to reporters during the Aidilfitri open house held at the residence of Sarawak Premier advisor Datuk Seri Rohani Abdul Karim in Petra Jaya here today.

“I urged individuals who remain sceptical of Padu to approach the situation with caution and rationality. This is because the system is essential for government aid recipients,” she said.

Nancy entrusted the Economy Ministry to determine the best course of action for their product.

“For those in urgent need of assistance, this system is indispensable.



## 'Kebiasaannya saya bantu mangsa... kini saya pula diuji'

Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my



NOR Hafzah (dua kiri) menyampaikan bantuan kepada Faridah. FOTO Mary Victoria Dass

Pasir Gudang: Seorang remaja perempuan nekad meredah asap dan api bagi menyelamatkan adik bongsunya ketika rumahnya terbakar di Taman Scientex di sini, Selasa lalu.

Nur Farah Syazatul Alieya Abdul Hamed, 16, berkata, dalam kejadian sehari sebelum Aidilfitri, dia yang sedang memandikan adik perempuannya, 2, di tingkat atas sebelum terdengar bunyi letupan dan menyangkakan anak-anak jirannya sedang bermain mercu di depan rumah.

"Saya turun dari tingkat atas dan terperanjat mendapati asap sudah menebal di tingkat bawah sebelum berlari menjerit meminta pertolongan jiran dan mengetuk rumah mereka.

"Kemudian saya ke tingkat atas semula untuk menyelamatkan adik saya sebelum berlari merempuh asap tebal dan api membawanya keluar rumah.

"Ketika kejadian saya sedang memandikan adik saya sementara ibu dan dua abang berada di rumah nenek kami di Bandar Bistari Perdana," katanya ketika ditemui selepas keluarganya menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor di kediamannya, hari ini.

Kebakaran pada 12 tengah hari di rumah teres dua tingkat itu memusnahkan bahagian depan dan ruang tamu rumah berkenaan namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Video kebakaran rumah itu yang dirakamkan penduduk taman itu tular dalam media sosial sehingga mengundang simpati orang ramai kerana berlaku pada hari terakhir Ramadan dan sedang dalam kesibukan menyambut Aidilfitri.

Sementara itu, ibunya, Faridah P Hamsa, 40, berkata, semasa kejadian jiran tampil membantu memadam kebakaran dengan memanjat rumah sebelah dan menggunakan paip getah untuk memadamkan api sehingga dapat dikawal.

Beliau yang juga Presiden Pertubuhan Permata Baiduri Malaysia (Permata) serta sukarelawan berterima kasih dan bersyukur kerana tindakan pantas jiran berjaya memadam kebakaran malah menghalangnya daripada merebak ke rumah sebelah.

"Ketika kejadian saya dalam perjalanan mahu mengambil baju raya anak lelaki saya di Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru.

"Dalam perjalanan kereta pula pancit sebelum ahli keluarga dan jiran menelefon memaklumkan rumah saya terbakar," katanya.

Ibu kepada empat anak berusia dua sehingga 19 tahun itu berkata, dia tidak sangka ditimpa musibah ketika Aidilfitri.

"Apabila sampai sudah ramai orang termasuk ahli keluarga di rumah, saya seakan tidak percaya rumah terbakar.


"Kebiasaannya saya bantu mangsa kebakaran atau mangsa banjir, kini saya pula diuji, sekarang barulah saya tahu emosi sebenar mangsa kebakaran macam mana," katanya.

Menurutnya, pakaian raya, seragam sekolah dan semua pakaian di tingkat atas menjadi hitam serta berbau sementara bantuan empat bungkusan pakaian raya untuk asnaf juga musnah dalam kebakaran itu yang dirancang untuk dihantar pada petang Selasa.

"Saya redha dengan ketentuan tuhan," katanya.

Sementara itu, Pegawai JKM Johor Bahru, Nor Hafzah Ahmad berkata, pihaknya menyampaikan bantuan segera RM300 selain sumbangan makanan, selimut, tuala dan barang keperluan lain bagi meringankan beban Faridah serta keluarganya.

Terdahulu, Faridah menerima sumbangan Presiden Majlis Penyelaras Gabungan NGO Melayu Negeri Johor (Gabung), Zaini Atan yang juga Timbalan Presiden Dewan Teraju Usahawan dan Peniaga Bumiputera Negeri Johor (DTUPBNJ) di rumahnya.



## BUTIK TAPAI KETENGAH PRODUK BATIK SENTUHAN OKU



Pengurus Butik dan Bengkel Kraftangan TAPAI, Wan Nur Akmal Wan Ibrahim memantau Nurul Syakirah Ahmad Jais, 23, menjahit bahagian bagi menghasilkan beg di Wakaf Tapai. Mula bekerja di TAPAI selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2019, anak kedua daripada tiga beradik yang dilahirkan kerdil itu kini mahir menyiapkan pelbagai jenis beg antaranya beg tangan, mini pouch bag, beg ketupat dan beg duit syiling. TAPAI bermula pada 2017 setelah menerima geran One-off sebanyak RM18,000 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memperhebatkan lagi Projek Pemerkeasaan Ekonomi khusus kerja jahitan. Antara kejayaan TAPAI ialah pernah mencipta jualan di Global Village di Dubai selama enam bulan pada 2022 hasil inisiatif kerajaan, selain ada Duta-duta Besar luar negara di Malaysia yang datang ke butik dan membeli-belah untuk dibawa pulang ke negara mereka. – fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

14/04/2024 04:02 PM

Oleh Muhammad Faizal Nazmi Mohd Haran

MARANG, 14 April (Bernama) -- Butik TAPAI, di Wakaf Tapai di sini membuka peluang kepada tujuh pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mengasah bakat mereka dalam menghasilkan produk batik.

Ketika lawatan Bernama ke butik itu baru-baru ini, dengan bimbingan lima guru daripada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Wakaf Tapai dan dua guru khas yang menjayakan Projek Pemerkeasaan Ekonomi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk OKU, kelihatan seorang pekerja lelaki dan enam pekerja OKU wanita berumur 20 hingga 41 tahun tekun menghasilkan tempahan pelanggan.

Menurut pengurus TAPAI Wan Nur Akmal Wan Ibrahim, butik tersebut diusahakannya bermula pada 2017 setelah menerima geran sekali beri sebanyak RM18,000 daripada JKJ bagi memperhebatkan lagi Projek Pemerkeasaan Ekonomi khususnya kerja jahitan.

"Bermodalkan peruntukan itu, kami mula membeli mesin jahit dan bahan mentah seperti batik untuk menghasilkan kraftangan pembuatan beg batik. Ketika itu TAPAI beroperasi dengan lima orang pekerja OKU kategori masalah pembelajaran, pekak, bisu dan fizikal. Sekarang ini ada juga pekerja Sindrom Down dan autism.

"Kini, kami ada tujuh pekerja yang bekerja secara harian, dengan lima daripadanya ialah pelatih dari PPDK Wakaf Tapai, seorang OKU mental dan seorang daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dari sebuah sekolah berhampiran," katanya kepada Bernama.

Wan Nur Akmal berkata kesemua pekerjaannya termasuk pekerja berjadual dan lima orang pekerja lepasan TAPAI yang kini bekerja dari rumah, menunjukkan perkembangan positif dari segi kemahiran bekerja dan sosial serta mampu menjana pendapatan sendiri.

Katanya, pada peringkat permulaan mereka hanya mampu menyiapkan sebuah kotak pensil sehari, namun berbekalkan latihan yang berterusan, kini ada antara pekerja berjaya menghasilkan 30 beg batik sehari.

"Mereka juga sudah berani untuk bercakap dengan orang luar. Ada juga yang boleh buat 'live' di aplikasi TikTok peribadi sewaktu bekerja dengan menjual produk TAPAI dan pastinya ada penonton yang membeli," katanya.


Berkongsi kejayaan TAPAI, beliau berkata produk mereka pernah mencipta jualan di Global Village di Dubai selama enam bulan pada 2022 hasil inisiatif kerajaan selain duta-duta besar luar negara di Malaysia yang datang ke butik membeli produk batik untuk dibawa pulang ke negara mereka.

Siti Zulaikha Abd Muin, 33, yang dilahirkan dengan kecacatan fizikal berkata pengalaman bekerja di butik itu sejak 2017 membantunya untuk lebih percayakan diri sendiri.

Menurutnya, beliau memulakan kerjayanya di TAPAI tanpa sebarang kemahiran menjahit tetapi atas sokongan guru-guru serta keluarga beliau berjaya menghasilkan banyak beg.

Sementara itu, Nurul Syakirah Ahmad Jais, 23, yang dilahirkan kerdil mula berkhidmat di TAPAI selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia pada 2019, kini mahir menyiapkan pelbagai jenis beg antaranya beg tangan, beg kantung mini, beg ketupat dan beg duit syiling.

"Saya bercita-cita untuk memiliki perniagaan sendiri pada masa depan," ujar gadis itu.



TAJUK :	ANAK-ANAK RUMAH TITIAN KASEH BERTERIMA KASIH KEPADA YAYASAN MR D.I.Y.		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 APR 2024	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Anak-anak Rumah Titian Kaseh berterima kasih kepada Yayasan MR D.I.Y.

**KUALALUMPUR:** Yayasan MR D.I.Y. melalui inisiatif 'Raya Sama-Sama' turut meraikan musim perayaan ini dengan penuh kegembiraan. Sebagai sokongan kepada inisiatif Hari Raya Aidilfitri 'Raya Sama-Sama' daripada pengedar peralatan rumah terbesar di Malaysia, MR D.I.Y., Yayasan tersebut baru-baru ini menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat 'Raya Sama-Sama Membantu' di Rumah Titian Kaseh, sebuah rumah anak yatim di Kuala Lumpur dan menyambut kemeriahan perayaan bersama kanak-kanak di sana.

Program tersebut menjadi lebih menarik dengan kehadiran penyanyi, pelakon dan hos TV popular Malaysia, Alif Satar bersama band beliau The Locos. Ia merupakan petang yang meriah di mana sukarelawan Yayasan, pasukan MR D.I.Y. Cares, Alif Satar dan The Locos mengadakan permainan serta sesi menyanyi lagu-lagu nasyid dan Hari Raya, dan membantu 'Rumah Titian Kaseh' untuk menghias kemeriahan Hari Raya. Tambahan pula, mereka mengadakan sesi buka puasa bersama. Sebagai tanda penghargaan, rumah tersebut juga menerima baucar tunai MR D.I.Y. bernilai RM2,000 dan kotak-kotak 'Raya Sama-Sama Membantu' yang berisi hiasan Hari Raya Aidilfitri dan keperluan harian.

Mengulas tentang inisiatif ini, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MR D.I.Y. Zaleha Mohd Mydin berkata: "Hari Raya Aidilfitri meli-



**DISANTUNI:** Anak-anak Rumah Titian Kaseh menyambut 'Raya Sama-Sama' bersama sukarelawan Yayasan MR D.I.Y. Alif Satar dan The Locos.

batkan pengampunan dan mempereratkan hubungan sesama manusia. Kami faham bahawa ramai yang tidak berpeluang merayakan perayaan ini bersama orang tersayang. Misi kami untuk Hari Raya Aidilfitri ini adalah untuk meningkatkan semangat persaudaraan, membantu mereka dan menjemput semua untuk menyambut 'Raya Sama-Sama'. Kami amat beruntung kerana Alif Satar dan The Locos menyertai program ini. Kehadiran mereka pasti membuat hari kanak-kanak ini lebih berkesan. Terima kasih Alif dan The Locos."

Selain itu, sukarelawan MR D.I.Y. Cares juga bekerja dengan rumah-rumah anak yatim dan pusat penjagaan, menyampaikan kotak-kotak 'Raya Sama-Sama' kepada 14 rumah amal lain di seluruh negara.

"Kami mengucapkan teri-

ma kasih kepada 14 rumah ini kerana membenarkan kami membawa kegembiraan perayaan kepada mereka. Tahniah kepada semua sukarelawan MR D.I.Y. Cares atas sokongan dan usaha tanpa henti anda. Sebagai satu pasukan, kita memiliki kuasa untuk membawa perubahan yang sebenar," kata Zaleha.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif MR D.I.Y. pada musim perayaan ini, layari laman web [mrdiy.com](http://mrdiy.com), [mrdiy.com.my](http://mrdiy.com.my), Facebook, Instagram, dan TikTok.

Rumah amal dan pertubuhan yang menerima sumbangan Hari Raya Aidilfitri daripada Yayasan MR D.I.Y. adalah:

- Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia, Semenyih, Selangor
- Rumah Anak-Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Melaka Tengah, Melaka

- Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan (PAYDA), Seremban, Negeri Sembilan
- Pusat Jagaan Impian Syimah, Johor Bharu, Johor
- Pertubuhan Kebajikan Baitul Husna, Kuantan, Pahang
- Pusat Jagaan Sinar Berkat, Ipoh, Perak
- Rumah Anak Yatim, Taman Seri Mengkuang, Kubang Semang, Pulau Pinang
- Pertubuhan Rumah Anak Yatim Az Zahra, Merbok, Kedah
- Pusat Jagaan Hembusan Kasih, Arau, Perlis
- Rumah Anak Yatim Huzai, Kemaman, Terengganu
- Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan
- Rumah Anak Yatim & Asnaf As Sakinah, Papar, Sabah
- Pusat Jagaan Nur Murni, Kuching, Sarawak